

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 07 DISEMBER 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Belajar sains menyeronokkan	Utusan Malaysia
2.	Kehebatan 20 remaja diiktiraf di peringkat antarabangsa	Utusan Malaysia
3.	Air pasang besar dijangka 11 Disember	Harian Metro

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20 TARIKH : 07 DISEMBER 2015 (ISNIN)

SELAMA tiga dua malam, sebahagian pelajar sekolah menengah yang bertuah dan juga guru-guru Sains dari seluruh negara diberi peluang untuk mengenali teknologi nuklear serta aplikasinya dalam kehidupan seharian dengan lebih dekat.

Program Perkhemahan Nuklear: Veni, Vidi, Vici 2015 bagi sesi 2 tahun 2015 itu merupakan sinergi yang terbentuk menerusi kerjasama antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pendidikan, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) serta Kelab Sukan dan Kebajikan Nuklear Malaysia.

Objektif program yang mula diadakan pada tahun 2013 bertujuan memperkenalkan dan menyebarkan subjek sains dan teknologi nuklear menerusi pembelajaran luar kelas dengan beberapa penambahbaikan yang dilakukan setiap kali penganjurannya.

Bukan itu sahaja, program berkenaan turut menjadi sumber untuk membina keyakinan dan kepercayaan pelajar serta guru sains tentang keselamatan teknologi nuklear sekali gus, memberi pendedahan penggunaan dan sumbangan teknologi nuklear dalam kehidupan.

Dalam masa yang sama, program itu juga dapat memberi motivasi dan menggalakkan pelajar memilih bidang sains dan teknologi nuklear jika berjaya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seterusnya memilih saintis sebagai kerjaya.

Veni, Vidi, Vici berasal daripada bahasa Latin yang dilahirkan oleh Julius Caesar membawa maksud "Saya datang, saya melihat, saya menang (menakluk)," diterap dalam perkhemahan tersebut, dan secara tidak langsung pelajar dapat memahami dan menguasai konsep kepentingan nuklear dalam kehidupan.

Perkhemahan informatif tersebut menggabungkan pelbagai aktiviti hands-on antaranya, pelajar berpeluang membuat eksperimen di makmal agensi bersama saintis Nuklear Malaysia.

Selain itu, pelajar juga akan melakukan beberapa eksperimen yang menguji tahap pemahaman, tindak balas dan pemerhatian di makmal yang kemudian perlu dipersembahkan dalam pembentangan kumpulan untuk memenangi hadiah wang tunai sebagai ganjaran.

Menariknya juga, pelajar dan guru berpeluang menggunakan peralatan serta teknologi canggih yang ada di makmal penyelidikan Nuklear Malaysia, Bangi.

Pertandingan penyelidikan itu melibatkan 20 eksperimen yang terbahagi



Belajar sains menyeronokkan

Agensi Nuklear anjur perkhemahan Veni, Vidi dan Vici

Oleh **NUR FATIEHAH
ABDUL RASHID**



kepada empat kulster iaitu Kluster 1: Isotop dan Sinaran dalam Biosains dan Pertanian, Kluster 2: Keselamatan dan Penentuan Sinaran, Kluster 3: Isotop dan Sinaran dalam Perubatan dan Kluster 4: Isotop dan Sinaran dalam Alam Sekitar dan Teknologi Pemprosesan Sinaran.

Salah satu eksperimen bagi Kluster 1 adalah seperti pengasingan sistematik fitokimia tumbuhan tersinar menggunakan kaedah kromatografi, manakala eksperimen bagi Kluster 2 pula adalah teknik pengukuran dan pengoptimuman dos kepada pesakit ketika menjalankan pemeriksaan x-ray dada.

Eksperimen bagi Kluster 3 adalah seperti penentuan dos glandular purata pada fantom pelbagai ketebalan dalam sistem mamografi dan bagi Kluster 4, melibatkan eksperimen spesifikasi lateks berammonia tinggi dan lateks getah asli pemvulkanan sinaran.

Pengarah Kanan Program Pengurusan Nuklear Malaysia, **Dr. Dahlan Mohd.** berkata, program Veni, Vidi, Vici adalah

suatu platform terbaik kepada pelajar dan guru untuk mengenali dan mendekati sains dan teknologi nuklear.

Katanya, semenjak agensi berkenaan ditubuhkan, pihaknya telah mula menggalas peranan dalam usaha menyebarkan maklumat bagi menyuntik kesedaran dan penerimaan masyarakat awam terhadap sains terutamanya teknologi nuklear.

"Pelbagai program kesedaran awam dirancang dari semasa ke semasa dan dilaksanakan sebaiknya seperti program ceramah dan pameran ke sekolah seluruh negara, program ceramah dan pameran ke institusi pendidikan guru, Siri Jelajah Ikon Saintis dan Perkhemahan Nuklear 3V ini.

"Program perkhemahan 3V kali ini telah disertai oleh hampir 100 buah sekolah manakala bagi tahun ini, jumlah penyertaan daripada pihak sekolah adalah sebanyak 20 buah melibatkan 80 peserta dalam kalangan guru dan pelajar," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap dalam majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Program Perkhemahan Nuklear: Veni, Vidi, Vici 2015 di Nuklear Malaysia, Bangi, baru-baru ini.

Menurutnya, fokus program itu adalah untuk memberi impak positif kepada pelajar dan guru dalam memahami kepentingan teknologi nuklear dalam

kehidupan selain membina keyakinan serta kepercayaan peserta terhadap keselamatan teknologi nuklear.

"Di samping itu, guru-guru juga akan mendapat pendedahan maklumat terkini dan tepat mengenai teknologi nuklear untuk diwar-uhkan kepada warga sekolah masing-masing," katanya.

Dalam pada itu, salah seorang peserta dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Butterworth, Pulau Pinang, **V. Sharvini**, 17, berkata, menerusi



PELAJAR turut berpeluang merasai pengalaman menggunakan peralatan serta teknologi canggih yang ada di makmal penyelidikan Agensi Nuklear.



SAMBUNGAN...
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 07 DISEMBER 2015 (ISNIN)



PARA pelajar ketika mengikuti Program Perkhemahan Nuklear Veni Vidi Vici yang diadakan di Agensi Nuklear Malaysia baru-baru ini.

perkhemahan itu dia dapat mempelajari tentang sesuatu eksperimen dengan lebih mudah terutama eksperimen berkaitan tisu kultur.



V. SHARVINI

"Kumpulan kami perlu menjalankan eksperimen tisu kultur yang sayananggap agak sukar, namun dengan bantuan ahli kumpulan yang lain, kami berjaya menyiapkan tugas yang diberikan."

katanya.

Seorang lagi peserta, **Faveyana Linos**, 16, dari SMK Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah, berkata, apa yang paling mencabar bagi kumpulannya dalam perkhemahan itu adalah kelainan bahasa yang terpaksa dihadapi oleh mereka.



FAVEYANA LINOS

"Rakan-rakan dari negeri lain agak sukar memahami bahasa yang kami gunakan, namun kami jadikan cabaran ini sebagai satu kekuatan untuk belajar berinteraksi dan menyesuaikan diri, terutama ketika pembentangan hasil eksperimen," katanya.

Sementara itu, menurut Muhammad **Faiz Md. Razif**, 16, dia dan rakan-rakan yang lain berasa sangat berbangga kerana berpeluang menjalankan eksperimen yang agak mencabar dan menguji kebolehan mereka.

Tambah pelajar dari SMK Putrajaya itu, mereka juga berasa teruja kerana diberikan peluang untuk menggunakan peralatan canggih yang ada di makmal Nuklear Malaysia.

"Kami telah melakukan eksperimen menggunakan kaedah yang berbeza-beza. Oleh itu, pelbagai prosedur perlu dilakukan bagi melengkapkan dan menyiapkan tugas yang diberikan. Di sini, kerjasama daripada ahli kumpulan yang lain sangat penting untuk kami menjayakan penyelidikan kami," jelasnya.



EKSPERIMEN di makmal dapat menimbulkan minat pelajar terhadap sains.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 21

TARIKH : 07 DISEMBER 2015 (ISNIN)



PENERIMA Sijil Program GG Tungsten Arc Welding (dari kiri) Muhamad Azril Atzema, Muhamad Fazlee Samsuddin, Nor Fahmi Khalid dan Mohamad Azizi Nordin menunjukkan sijil masing-masing dalam satu majlis di Serdang baru-baru ini.

Kehebatan 20 remaja diiktiraf di peringkat antarabangsa

DALAM usaha mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, Malaysia memerlukan lebih ramai tenaga kerja mahir terutama dalam bidang teknikal bagi meletakkan negara berdaya saing dalam suasana semasa.

Hal ini kerana, kepesatan pembangunan teknologi memerlukan tenaga kerja mahir bagi mengendalikan sektor tersebut selaras dengan perubahan dan evolusi teknologi yang sentiasa berubah dengan begitu pantas sekali.

Walaupun bagaimanapun, jika dilihat secara umum, peratusan tenaga kerja mahir tempatan masih lagi rendah berbanding negara luar seperti Singapura, Jerman dan lain-lain.

Oleh itu, antara alternatif bagi meningkatkan keperluan tenaga kerja mahir di negara ini adalah dengan memantapkan sistem pendidikan.

Salah satunya iaitu sistem pendidikan teknik dan vokasional kini dilihat semakin efektif apabila institusi sebegini banyak menjalin kerjasama dan melibatkan diri dengan pihak luar dan swasta bagi membuka peluang yang lebih luas kepada pelajar-pelajarnya.

Sepertimana baru-baru ini, sebanyak 20 belia dalam kalangan anak-anak asnaf telah berjaya menjalani kursus latihan kimpalan selama enam bulan dalam usaha meningkatkan jumlah bilangan tenaga kerja mahir.

Program GG Gas Tungsten Arc Welding merupakan kursus tahap tertinggi dalam bidang ini yang diiktiraf badan kod antarabangsa seperti American Society of Mechanical Engineers (ASME), American Welding Society (AWS) dan American Petroleum Institute (API).

Menerusi kerjasama anak syarikat Technology Park Malaysia (TPM) iaitu TPM Engineering Sdn. Bhd. (TPME) dan Majlis Agama Islam Perak (MAIP) dengan kerjasama TWI Technology (S.E Asia) Sdn. Bhd. (TWI), kesemua pelajar bertuah ini telah diterima

bekerja dengan syarikat minyak dan gas tempatan serta pengilang kenderaan antarabangsa.

Antara syarikat minyak dan gas yang terlibat dalam membolehkan graduan mendapat penempatan pekerjaan adalah Stream Environment Sdn. Bhd., Quality Bus & Coach Sdn. Bhd., Bromma Sdn. Bhd., Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn. Bhd., dan Jurunature Sdn. Bhd.

Kesemua belia bertuah berumur antara 18 hingga 29 tahun itu telah diraikan dalam majlis penyampaian sijil tamat kursus yang dihoskan oleh TPM di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang baru-baru ini.

Majlis penyampaian sijil disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin, program kimpalan enam bulan ditawarkan bersama oleh TPME dan TWI akan membolehkan graduan vokasional tersebut merebut peluang dalam pelbagai industri termasuk dalam arena global.

"Kerjasama kedua-dua pihak adalah antara platform pembangunan kemahiran vokasional yang terbaik untuk belia tempatan yang berminat membangunkan dan melaksanakan kemahiran vokasional dan kerjaya dalam industri kejuruteraan.

"Buat masa ini terdapat kekurangan pengimpal mahir dalam banyak industri, bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di seluruh dunia.

"Kami ingin menggalakkan mereka yang kurang mahir dalam bidang akademik untuk mengasah kemahiran vokasional mereka yang turut menawarkan prospek pembangunan kerjaya yang sama cerah," katanya.

Sementara itu, salah seorang penerima sijil program tersebut, Mohamad Azizi Nordin, 26, berkata,

beliau bersama rakan-rakan lain berasa bertuah kerana diberi peluang untuk menyertai program tersebut.

"Setelah berhempas pulas selama enam bulan, kami berasa sangat teruja atas anugerah yang diterima pada hari ini.

"Dahulu kami tidak mempunyai sebarang kemahiran terutama dalam bidang kimpalan, (tetapi) sekarang berjaya menguasai kemahiran dalam bidang kimpalan dan berasa sangat bertuah kerana ia adalah satu bidang yang menjadi rebutan.

"Pasaran kerja bagi industri ini sangat luas dan memiliki sijil kimpalan merupakan satu kelebihan buat kami kerana ia juga satu bidang yang menjanjikan gaji lumayan," katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi penerima anugerah, Nor Fahmi Khalid, 29, berkata, sekiranya bidang ini dilihat dari skop berbeza, mereka juga mempunyai peluang dalam bidang perniagaan apabila membuka bengkel sendiri.

"Sebagai seorang yang pernah mengikuti kursus perniagaan sewaktu belajar, saya lihat bidang kimpalan

juga mempunyai cabang dalam perniagaan sekiranya mempunyai modal, sesiapa yang mempunyai kemahiran boleh membuka bengkel sendiri.

"Apa yang penting, ia perlu dilihat dari skop berbeza seperti ilmu tambahan dalam bidang reka bentuk atau mencipta produk terutama yang berasaskan logam," jelasnya.

Bagi Muhamad Fazlee Samsuddin, 23, dan Muhamad Azril Atzema, 17, pula, mereka akur cabaran utama program apatah lagi ia merupakan satu bidang baharu bagi mereka.

"Banyak yang kami perlu belajar kerana ia adalah satu bidang sangat berbeza yang kami pernah diceburi sebelum ini," ujar mereka.



IR. MOHD AZMAN SHAHIDIN

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 25
TARIKH: 07 DISEMBER 2015 (ISNIN)

Air pasang besar dijangka 11 Disember

Kota Bharu: Gelombang kedua banjir berkemungkinan besar boleh berlaku pada pertengahan bulan ini berdasarkan fenomena air pasang besar bermula 11 Disember.

Bagaimanapun Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan Shahimi Shariff berkata, sukar menjangkakan sejauh mana tahap air pasang yang boleh menyumbang kepada kejadian banjir itu.

Katanya, pihaknya sudah memastikan semua alat penyukat dan amaran banjir di stesen berada dalam keadaan baik sebagai persediaan awal.

"Mengikut Jadual Pasang Surut Air Laut, dijangka akan berlaku air pasang besar pada 11 dan 12 Disember, manakala fenomena sama akan berlaku sekali lagi pada 23 dan 24 Disember.

"Ia cenderung mengakibatkan peningkatan air di kuala dan sungai, namun kita sudah bersedia

dengan memastikan semua alat sukat dan amaran banjir berfungsi dengan baik," katanya.

Menurutnya, pihak JPS juga sudah memastikan setiap daerah di negeri ini membersihkan saluran air dan longkang utama dengan baik supaya aliran air tidak tersekat.

"Ketika tempoh ini kita kena hati-hati terhadap kemungkinan banjir. Namun, ia tetap bergantung kepada paras air hujan dan faktor lain yang menyumbang," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan Maqrum Fadzli Mohd Fahmi menasihati orang ramai supaya tidak panik sekiranya menerima maklumat berantai mengenai banjir atau ribut daripada sumber yang tidak sah.

Beliau sebaliknya meminta penduduk merujuk maklumat itu kepada pihaknya dan pihak berkuasa lain.